

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTIRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

RUJUKAN TAWARAN: JPA/1.4/SH2021/033

**“SUPPLY AND INSTALLATION VINYL FLOORING FOR LEVELS 1, 2, 7, 8 AND 11 BANGUNAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
JALAN KUMBANG PASANG”**

**BAYARAN TAWARAN: BND 5.00
(Tidak dikembalikan)**

1. Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dan diluluskan oleh **Kementerian Pembangunan** dalam **Kelas II ke atas** dan **Kategori KA01, B01 dan E01** dan hendaklah mengemukakan dokumen pendaftaran yang sah sebelum sebutharga untuk melaksanakan kerja-kerja di atas.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan hendaklah ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat. Pada sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini dengan jelas. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan di alamat seperti berikut:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUTHARGA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
BLOK 2D, JALAN KUMBANG PASANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani.
4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Hari Selasa, 11 Januari 2022, jam 2.00 petang**. Mana-mana tawaran yang lewat di terima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dan pembayaran Bayaran Tawaran hendaklah dibayar di **Kaunter Lobi, Aras 1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu), **jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang**.
6. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran tersebut adalah dijemput untuk menghantar sekurang-kurangnya **seorang** wakil bagi *Site Visit* pada hari **Selasa, 30 Disember 2021**,

jam 2.30 petang di kawasan Lobi, Aras 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Kumbang Pasang.

7. Penender hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Pembayaran. Kegagalan Penender dalam menyediakannya boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

8. **Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran:**
 - a. **Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;**
 - b. **Sijil-Sijil pendaftaran Kontraktor, Pembina dan Pembekal dengan Kementerian Pembangunan yang sah; dan**
 - c. **Sijil-Sijil, dokumen-dokumen dan maklumat yang diperlukan bagi menghadapi tawaran sebutarga.**

9. Kegagalan Penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.